

Kes baharu selesema burung

Seoul: Korea Selatan, semalam mengesahkan kes baharu selesema burung, yang pertama di negara itu dalam tempoh lima bulan, lapor media.

Menurut agensi berita Yonhap, merujuk Kementerian Pertanian, Makanan dan Hal Ehwul Luar Bandar, itik di sebuah ladang di bandar raya Incheon diuji positif selesema burung.

Hampir 11,000 haiwan itu dibunuh manakala ladang dikuarantin.

Kali terakhir Korea Selatan melaporkan kes selesema burung adalah November 2015.

Selesema burung adalah penyakit pernafasan yang boleh dipindahkan kepada manusia daripada spesies burung.

Kali pertama virus berke-

naan menjangkiti manusia adalah tahun 1997, apabila 18 orang dijangkiti, enam daripadanya meninggal dunia.

Jenis H7N7 boleh menjejaskan pelbagai spesies haiwan, namun lebih berbahaya kepada burung.

Ia juga berpotensi memudaratkan manusia walaupun cuma menerusi hubungan langsung dengan haiwan dijangkiti. **AFP**